



**MAJLIS PENGETUA
SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

PT3 2015

PENTAKSIRAN TINGKATAN 3

UJIAN BERTULIS

OGOS

2 Jam

ARAHAN:

2

1. Kertas soalan ini boleh dibuka **apabila diberitahu**.
2. Tulis **nama** dan **angka giliran** anda pada ruang yang disediakan.
3. Tulis jawapan anda pada **ruang jawapan yang disediakan** dalam kertas soalan ini.
4. **Serahkan** kertas soalan ini kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

Nama Pemeriksa:

Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	8	
2	3	
3	10	
4	4	
5	10	
6	10	
7	10	
8	15	
9	30	
Jumlah	100	

Bahasa Melayu

NAMA :

ANGKA GILIRAN :

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan satu soalan Bahagian D.

BAHAGIAN A
(25 markah)

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i) Hasil kraf tangan yang dibawa daripada kampung orang asli itu dipamerkan di Festival Seni Antarabangsa.

- ii) Kebanyakannya peserta-peserta pertandingan sudah bersedia di tempat permulaan acara 100 meter.

- iii) Encik Ismadi mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Taman Setia sejak sepuluh tahun yang lalu.

- iv) Rakyat jelata sangat suka cita apabila menonton istiadat pelantikan sultan di televisyen.

(8 markah)

2 Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i) Syarikat yang diisyiharkan bankrap itu mengalami defisit berdasarkan analisa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

- ii) Anggota pasukan kadet polis sekolah itu menghentakkan kaki dengan kuat semasa berkawat dalam pertandingan peringkat negeri.

- iii) Ulasan tentang perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia oleh juru ulas itu sangat menarik sekali.

(3 markah)

- 3 Tukarkan ayat majmuk di bawah menjadi dua ayat tunggal. Tulis jawapan anda pada ruang jawapan yang disediakan.

- i) Pemindahan mangsa banjir telah dapat dilakukan dengan sempurna kerana persediaan awal telah dibuat.

1) _____

2) _____

- ii) Datuk Osman banyak pengalaman lagi besar pengaruhnya.

1) _____

2) _____

- iii) Semua murid perlu sedar bahawa mereka mesti sentiasa mengulang kaji pelajaran untuk berjaya dalam peperiksaan.

1) _____

2) _____

- iv) Mereka berteduh di dalam pondok usang itu apabila hujan turun.

1) _____

2) _____

- v) Puan Nadiah ialah guru mata pelajaran Sains dan Matematik di SMK Kota Mutiara.


1) _____

2) _____

(10 markah)

[Lihat sebelah
SULIT]

- 4 Lihat gambar di bawah dengan teliti, kemudian tulis **dua** peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut.



i) _____

ii) _____

(4 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

- 5 Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Dulu pun ibu bekerja dan ayah pun bekerja. Adakah kami telah menyusahkan ayah dan ibu hingga ibu sanggup menghantar kami balik ke kampung?” aku memberontak.

“Ibu tidak dapat menjawabnya sekarang. Suatu hari nanti Mira akan tahu jua sebabnya. Percayalah semua yang ibu buat ini adalah untuk kebaikan Mira dan adik-adik.” Ibu mengusap kenengku dengan lembut. Air mataku mula menitis dan membasahi pipiku. Dengan lembut juga ibu mengusap dahiku dan menarikku erat ke dalam pelukannya.

“Ibu memang sudah tidak sayang akan Mira. Ibu memang sudah benci akan kami...”

“Jangan cakap macam tu Mira. Mira tak faham perasaan ibu. Mira dan adik-adik ialah harta yang tidak ternilai dalam dunia ini. Bagaimanapun, hidup kita memerlukan pengorbanan. Mira akan tahu juga akhirnya.” Ibu menepuk-nepuk belakangku dengan penuh kemesraan dan kasih sayang.

Hari yang dijanjikan itu tiba jua. Dengan hati yang berat, aku akur akan keputusan ibu dan ayahku. Aku menolong ibu mengisi barang-barang keperluan yang harus dibawa ke dalam kereta. Ayah mendukung adik Aidil, sementara adik Manja berlari-lari dengan riang kerana menyangka kami akan pergi makan angin.

“Mengapa masam saja ni...? Ayah tak suka anak ayah bermasam muka macam ni... kan kita nak jalan jauh,” tegur ayah setelah mendapati aku tidak bercakap dan tersenyum seperti selalunya.

(Dipetik daripada cerpen *Warkah daripada Ibu*,
Antologi Gema Sepi Gadis Genius Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan tindakan yang dilakukan oleh ibu apabila Mira menangis?
(3 markah)

- ii) Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan dua perwatakan ibu.
(3 markah)

- iii) Pada pendapat anda, apakah yang patut dilakukan untuk membuktikan kasih sayang terhadap ibu dan bapa?

(4 markah)

- 6 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Keusangan Budaya

Ketika dulu
kelihatan sang dara bersimpuh ayu
bersalut songket tenunan Melayu
menganyam segar

Kelihatan
sang teruna menebang ara
berbaju Melayu warisan bangsa
meniup seruling bambu
merdu dan sayu

Ketika ini
tiada lagi sang dara ayu
tiada juga teruna gagah
kini yang ada cuma
tubuh-tubuh lesu
tubuh-tubuh kaku

Kedengaran
irama gamat menodai kedamaian
seruling bambu diam keusangan
songket dan batik muram disisihkan

Ayahanda dan bonda di pondok
memalu nobat di sisi
melihat sayu sang Sita Dewi
yang usang tidak bermaya lagi

(Dipetik daripada sajak "Keusangan Budaya",
Antologi *Harga Sebuah Lukisan*, Tingkatan 3,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Apakah gambaran penyajak tentang teruna pada zaman dahulu dalam rangkap kedua sajak di atas?
(3 markah)

- ii) Nyatakan satu gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam sajak tersebut.
(3 markah)

- iii) *Kedengaran
irama gamat menodai kedamaian
seruling bambu diam keusangan
songket dan batik muram disisihkan*

Rangkap ini menunjukkan bahawa adat dan warisan bangsa semakin dilupakan. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat kini semakin melupakan adat dan warisan bangsa?

(4 markah)

- 7 Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1, 2 atau 3.

- i) *Hikmah* karya Mohd Faris Ikmal.
 - ii) *Erti Sebuah Pengorbanan* karya Zaihanim Zainal Abidin
 - iii) 6.20 karya Siti Jasmina Ibrahim

Nyatakan **tiga** unsur positif yang terdapat dalam novel tersebut dan berikan contoh peristiwa yang sesuai bagi setiap unsur tersebut.

(10 markah)

BAHAGIAN C
(15 markah)

- 8 Lihat carta di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam carta tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 perkataan.

**PANDUAN KESELAMATAN DAN PERATURAN
DI PADANG PERMAINAN SEKOLAH**

1. Sila beratur setiap kali hendak ke padang dan setelah selesai menjalankan aktiviti.
2. Pakai pakaian sukan ketika menjalani aktiviti sukan di padang.
3. Murid dikehendaki memakai kasut ketika bersukan di padang.
4. Jaga kebersihan padang.
5. Tidak dibenarkan berada dan bermain di padang sewaktu hujan.
6. Sila kembalikan peralatan sukan di ‘Stor Peralatan Sukan’ sekolah setelah digunakan.

Arahan

Pengetua SMK Taman Indah

BAHAGIAN D
(30 markah)

9 Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- i) Sekolah anda telah mengadakan kejohanan merentas desa.

Tulis pengalaman anda semasa menyertai acara tersebut.

- ii) Belakangan ini, jualan barang di koperasi sekolah anda semakin merosot. Ramai pelajar tidak gemar berkunjung dan berbelanja di sana.

Tulis sepucuk surat kepada pengetua untuk mencadangkan cara-cara memajukan koperasi sekolah anda.

- iii) Menabung ialah suatu amalan proaktif untuk menjamin masa hadapan seseorang.

Beri pendapat anda tentang kepentingan menabung.

[Lihat sebelah
SULIT

KERTAS SOALAN TAMAT



**PANDUAN
PENSKORAN
BAHASA MELAYU
PT3 2015**

Bahagian A: Soalan 1
(8 markah)

Calon perlu menggariskan perkataan yang dikesan kesalahan dan menulis jawapan yang betul pada ruang yang disediakan.

Gariskan kesalahan bahasa - 1 markah
Menulis jawapan yang betul - 1 markah

Jawapan:

Kesalahan bahasa

- | | |
|--|-----------|
| i. daripada – dari | [2markah] |
| ii. Kebanyakkan peserta-peserta -
Kebanyakkan peserta/peserta-peserta | [2markah] |
| iii. mengajar– mengajarkan | [2markah] |
| iv. pelantikan –pertabalan | [2markah] |
| | [8markah] |

Bahagian A: Soalan 2
(3 markah)

Jawapan

Kesalahan ejaan

- | | |
|--------------------------|------------|
| i. analisa – analysis | [1 markah] |
| ii. berkawat – berkawad | [1 markah] |
| iii. juru ulas - jruulas | [1 markah] |
| | [3 markah] |

Bahagian A: Soalan 3
(10 markah)

Jawapan

Ayat majmuk menjadi ayat tunggal

- | | |
|---|-------------|
| i. 1) Pemindahan mangsa banjir telah dapat dilakukan dengan sempurna.
2) Persediaan awal telah dibuat. | [2 markah] |
| ii. 1) Datuk Osman banyak pengalaman.
2) Datuk Osman besar pengaruhnya. | [2 markah] |
| iii. 1) Semua murid perlu sedar.
2) Mereka mesti sentiasa mengulang kaji pelajaran untuk berjaya dalam peperiksaan. | [2 markah] |
| iv. 1) Mereka berteduh di dalam pondok usang itu.
2) Hujan turun. | [2 markah] |
| v. 1) Puan Nadiah ialah guru mata pelajaran Sains di SMK Kota Mutiara.
2) Puan Nadiah ialah guru mata pelajaran Matematik di SMK Kota Mutiara. | [2 markah] |
| | [10 markah] |

Bahagian A: Soalan 4 (Peribahasa)
(4 markah)

2 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang tepat mengikut konteks.
1 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Terdapat kesalahan ejaan - Terdapat kesalahan susunan perkataan dalam peribahasa yang tidak menjelaskan maksud peribahasa.
0 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Peribahasa yang tidak tepat mengikut konteks. - Penggunaan perkataan yang menjelaskan maksud peribahasa. - Peribahasa yang kurang lengkap.

Jawapan:

- Kerbau sekawan boleh dikandang, manusia seorang tiada terkawal.
- Seekor kerbau membawa lumpur, habis semua terpalit.
- Seperti kerbau dicucuk hidung.
- Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi.
- Jika kerbau dipegang talinya, manusia dipegang pada janjinya.
- Berapa tinggi terbangnya bangau, akhirnya di belakang kerbau juga.
- Tidak dapat tanduk, telinga dipulas.

- **Terima mana-mana 2 jawapan.**

[4 markah]

Bahagian B : Soalan 5 dan 6 (Pemahaman Prosa dan Puisi)
(20 markah)

MARKAH	KRITERIA
3 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Isi cukup serta lengkap dan ayat gramatis.
2 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Isi cukup tetapi kurang lengkap dan ayat gramatis. - Isi cukup dan lengkap tetapi ayat kurang gramatis.
1 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis. - Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis.
0 markah	<ul style="list-style-type: none"> - Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis. - Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis.

Cadangan jawapan.

Soalan 5

- i) Antara tindakan yang dilakukan oleh ibu apabila aku menangis ialah
- ibu mengusap dahiku
 - menarikku erat ke dalam pelukannya.
 - menepuk-nepuk belakangku dengan penuh kemesraan dan kasih sayang
- **Maksimum dua isi.** [3 markah]
- ii) Perwatakan ibu yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut ialah
- seorang yang berkerjaya
 - seorang yang penyayang.
 - sanggup berkorban.
 - seorang yang bertanggunjawab./ prihatin.
 - seorang yang tabah dan sabar.
- **Maksimum dua isi.** [3 markah]
- iii) Pada pendapat saya, untuk membuktikan kasih sayang terhadap ibu dan bapa, kita mesti
- Menghormati ibu bapa.
 - Mentaati ibu bapa.
 - Mendoakan kesejahteraan mereka.
 - Menjaga kebijakan mereka.
 - Membantu membuat kerja rumah.
 - Memberikan kasih sayang / prihatin.
- **Maksimum dua isi dan terima mana- mana isi yang sesuai.** [4 markah]

Soalan 6

- i) Gambaran penyajak tentang teruna zaman dahulu ialah
- seorang yang amat rajin bekerja
 - berbaju Melayu
 - pandai meniup seruling buluh / bambu
 - menebang ara
 - gagah
- **Maksimum dua isi.** [3 markah]
- ii) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut ialah
- Asonansi –pengulangan bunyi vokal a
(contoh : kelihatan sang dara bersimpuh ayu)

- Aliterasi – pengulangan bunyi konsonan d
(contoh : Ayahanda dan bonda di pondok)
 - Anafora – pengulangan kata di awal baris
(contoh : kata tiada pada rangkap tiga baris 2 dan 3
kata tubuh-tubuh pada rangkap ketiga baris 5 dan 6)
 - Personifikasi
(contoh : irama gamat menodai kedamaian / seruling bambu diam keusangan / songket dan batik muram disisihkan)
 - Inversi - ayat songsang
(contoh : tiada lagi sang dara ayu sepatutnya *sang dara ayu tiada lagi*
- **Terima mana-mana contoh yang sesuai.** [3 markah]
- iii) Pada pendapat saya, manusia kini semakin melupakan adat dan warisan bangsa ialah
- kurangnya jati diri
 - terpengaruh dengan budaya barat
 - kurang diamalkan dalam kehidupan harian masa kini.
 - kurangnya pendedahan tentang kepentingan memupuk dan mengekalkan adat dan warisan bangsa.
 - segerintir masyarakat terutama golongan muda menganggap adat dan warisan bangsa sudah lapuk/ ketinggalan zaman/ tenggelam ditelan arus modenisasi.
- **Maksimum dua isi dan terima mana- mana isi yang sesuai.** [4 markah]

Bahagian B: Soalan 7 (Pemahaman Novel)
(10 markah)

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan serta ayat gramatis.
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis. - Isi cukup tetapi kurang relevan mengikut tugasan serta ayat gramatis.
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis.
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis.
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

Novel : Hikmah

Bil	Contoh Peristiwa
1.	Bertanggungjawab. <ul style="list-style-type: none"> Ibu Amri menyediakan semua keperluan Amri walaupun dia sendiri berada dalam keadaan lemah.
2.	Kasih sayang. <ul style="list-style-type: none"> Amri sanggup mengayuh basikal sejauh sepuluh kilometer semata-mata untuk membeli ubat ibunya di pekan.
3.	Tolong-menolong. <ul style="list-style-type: none"> Sapura sanggup mengorbankan keselamatan diri dengan menyelamatkan Amri daripada terus dibelasah oleh dua orang penyamun di sebuah lorong di pekan
4.	Setia kawan / Keberanian. <ul style="list-style-type: none"> Sapura sanggup mengorbankan keselamatan diri dengan melaporkan perbuatan Amri yang memeras ugut Saleh kepada guru disiplin walaupun diugut dan diancam oleh Amri
5	Ketabahan. <ul style="list-style-type: none"> Ibu Amri sanggup berkorban rasa dan kesakitan dipukul oleh suaminya tetapi dia tetap mempertahankan suaminya di depan Amri kerana tidak mahu Amri memusuhi bapanya

- Terima mana-mana contoh lain yang sesuai [10 markah]

Novel : Erti Sebuah Pengorbanan

Bil	Contoh Peristiwa
1.	Kasih sayang. <ul style="list-style-type: none"> Ayah Iman dan ibu Adif Danial membatalkan hasrat mereka untuk berkahwin kerana anak-anak mereka tidak menyetujui perkahwinan tersebut.
2.	Kegigihan. <ul style="list-style-type: none"> Iman gigih berlatih untuk memenangi pertandingan pidato sehingga menjadi johan.
3.	Tolong-menolong. <ul style="list-style-type: none"> Adif Danial, Zulkarnain dan Pei Wan sanggup berkorban masa membantu Iman Zulaika membuat rujukan mengenai tajuk pidato untuk pertandingan. Mereka juga sering menjadi pengkritik semasa Iman berlatih.
4.	Bertanggungjawab.

	<ul style="list-style-type: none"> Datuk dan nenek yang menjaga Iman Zulaikha selepas ibu bapanya berpisah dan ibunya menyambung pelajaran di luar negara.
5	<p>Sanggup berkorban.</p> <ul style="list-style-type: none"> Ibu Iman Zulaika mengorbankan rasa rindu dan kasih kepada anak tunggalnya, Iman sepanjang melanjutkan pelajaran di New Zealand / luar negara.

- Terima mana-mana contoh lain yang sesuai** [10 markah]

Novel : 6:20

Bil	Contoh Peristiwa
1.	<p>Amanah.</p> <ul style="list-style-type: none"> Puan Delia, ibu Sukma sanggup berkorban demi memegang amanah terhadap tugasnya yang berisiko tinggi walaupun terpaksa disalahertikan oleh keluarga dan masyarakat.
2.	<p>Kasih sayang.</p> <ul style="list-style-type: none"> Neneh Aim berkorban menjaga Aim yang mengidap penyakit Aids
3.	<p>Keberanian.</p> <ul style="list-style-type: none"> Sukma berani menyiasat aktiviti negatif Kelab WX2 walaupun berbahaya.
4.	<p>Bertanggungjawab.</p> <ul style="list-style-type: none"> Demi tugas untuk negara, ibu Sukma sanggup melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan WX2 untuk mendapatkan maklumat tentang kumpulan tersebut.
5	<p>Keprihatinan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Bapa Sukma sanggup mengorbankan kepentingan peribadi untuk melakukan kerja-kerja amal di kawasan perumahannya.

- Terima mana-mana contoh lain yang sesuai** [10 markah]

Bahagian C : Soalan 8 (Ulasan)
(15 markah)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	<u>Idea</u> Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan. Ulasan idea yang jelas dan matang. <u>Bahasa</u> Ayat gramatis. Kosa kata luas dan tepat. Ejaan dan tanda baca betul. Penanda wacana yang betul. Kesalahan bahasa yang minimum.
Baik	09 - 12	<u>Idea</u> Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan. Ulasan idea yang jelas. <u>Bahasa</u> Ayat masih gramatis. Kosa kata luas. Ejaan dan tanda baca masih betul. Penanda wacana yang masih betul. Kesalahan bahasa yang masih minimum.
Memuaskan	05 - 08	<u>Idea</u> Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan. Ulasan idea yang kurang jelas. <u>Bahasa</u> Ayat kurang gramatis. Kosa kata terhad. Kesalahan bahasa yang ketara.
Penguasaan Minimum	01 - 04	Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap.

Isi Tersurat:

1. Sila beratur setiap kali hendak ke padang dan setelah selesai menjalankan aktiviti.
2. Pakai pakaian sukan ketika menjalani aktiviti-aktiviti sukan di padang.
3. Murid dinasihatkan memakai kasut ketika bersukan di padang.
4. Jaga kebersihan padang.
5. Tidak dibenarkan berada dan bermain di padang sewaktu hujan.
6. Sila kembalikan peralatan-peralatan sukan di ‘Stor Peralatan Sukan’ sekolah setelah digunakan.

Bahagian D: Soalan 9 (Karangan Respons Terbuka)
[30 markah]

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali untuk mendapatkan ‘impression’. Perkara yang perlu diperhatikan ialah menjawab tugasan, bahasa, kerelevan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berdasarkan kriteria penskoran.
2. Baca karangan sekali lagi untuk pertimbangan muktamad. Sambil membaca, tandakan kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan, isi atau fakta seperti yang berikut :
 - _____ kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
 - / kesalahan ejaan
 - // kesalahan ejaan berulang
 - O kesalahan tanda baca
 - () kesalahan isi / fakta
3. Tiada penolakan markah ejaan (penandaan kesalahan sebagai panduan peringkat markah)

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	25 - 30
Kepujian	19 - 24
Baik	13 - 18
Memuaskan	07 - 12
Penguasaan Minimum	01 - 06

Kriteria Menilai Kemahiran Menulis

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA	<ul style="list-style-type: none">- Kegramatisan : Kata (Morfologi) : Ayat (Sintaksis)- Ejaan dan tanda baca- Kosa kata
IDEA	<ul style="list-style-type: none">- Isi-isi- Huraian isi- Contoh
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none">- Pengolahan- Pemerengganan- Format- Unsur keindahan bahasa/ungkapan menarik

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	25 - 30	<p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Kesalahan bahasa minimum <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat - Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa/ pantun/ cogan kata/ frasa yang menarik
Kepujian	13 - 18	<p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan berkesan seperti peribahasa/pantun/cogan kata/frasa yang menarik.
Baik	13 - 18	<p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai

		<p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p>PENGOLAHAN</p> <p>Pengolahan masih menarik, dan masih berkesan dengan pemerengganan yang masih sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
Memuaskan	07 - 12	<p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - kesalahan bahasa ketara <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerengganan yang kurang sesuai - format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
Penguasaan Minimum	01 - 06	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan/terpesong.

Soalan i

- a. Format : Tiada
b. Diharapkan : Pelajar dapat menulis faedah yang diperoleh daripada amalan menabung.
c. Cadangan jawapan :
 - Wang tabungan dapat digunakan pada masa hadapan.
 - Boleh digunakan semasa kecemasan.
 - Tidak menghadapi masalah hutang.
 - Boleh dijadikan sebagai pelaburan untuk keperluan diri dan keluarga.
 - **Terima mana-mana jawapan yang sesuai**

Soalan ii

- a. Format : Surat Kiriman Rasmi
b. Diharapkan : Pelajar dapat menulis cara-cara memajukan koperasi sekolah.
c. Cadangan jawapan :
 - Meningkatkan saham koperasi melalui penglibatan semua guru dan murid sebagai ahli koperasi.
 - Mengadakan promosi atau iklan bagi produk barang yang dijual.
 - Memberi potongan harga dan hadiah istimewa seperti Hari Guru, Hari Ibu dan sebagainya.
 - Meningkatkan tatahias kedai koperasi berkonsepkan pasar raya.
 - Mengadakan Hari Koperasi peringkat sekolah dengan mengadakan pelbagai jualan.
 - Membuka kiosk berdekatan dengan pintu pagar sekolah untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
 - Mengalihkan kedudukan kedai koperasi ke tempat yang lebih strategik.
 - **Terima mana-mana jawapan yang sesuai**

Soalan iii

- a. Format : Tiada
b. Diharapkan : Pelajar dapat menulis pengalaman semasa menyertai acara dalam kejohanan merentas desa.
c. Cadangan jawapan :
 - **Terima mana-mana jawapan yang sesuai**